



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SABTU 11 FEBRUARI 2023

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|-----|--|---|
| 1. | ISU KEKURANGAN TELUR: TAMBAH TENAGA KERJA TINGKATKAN PENGELUARAN MENJELANG RAMADHAN, BH -ONLINE | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (MAFS) |
| 2. | KEKURANGAN PEKERJA PUNCA GANGGUAN BEKALAN TELUR AYAM – MAHAMAD, MALAYSIA GAZETTE -ONLINE | |
| 3. | KEMENTERIAN MAHU TAMBAH BILANGAN PEKERJA SEKTOR BEKALAN TELUR AYAM, SELANGOR KINI -ONLINE | |
| 4. | MAT SABU TO INFORM CABINET ABOUT STRONG OPPOSITION TO REDUCTION IN FISHERMEN'S DIESEL, NEWS, SIN CHEW DAILY -5 | |

UKK MAFS

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFS, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|-----------|------------------|---------|---------------|
| 11/2/2023 | BERITA HARIAN | ONLINE | |

Isu kekurangan telur: Tambah tenaga kerja tingkatkan pengeluaran menjelang Ramadan



Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu ketika ditemui sejurus menghadiri Persidangan Antarabangsa Palestin Kuala Lumpur (ICPKL) 2023, di sini, hari ini. - Foto AHMAD HASBI.

SEREMBAN: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS) akan mengatasi masalah kekurangan tenaga kerja di peringkat pengusaha telur yang dilihat menjadi satu daripada punca kekurangan bekalan bahan makanan itu.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu, berkata keadaan semakin meruncing apabila permintaan telur dijangka meningkat menjelang Ramadan.

"Kita akan cuba melihat daripada aspek pengeluaran... supaya yang menternak telur (pengeluar) ini melipat gandakan keluaran mereka.

"Kalau mereka tak cukup pekerja sekarang, kita cuba memberi laluan mudah, cara mudah untuk mereka menambahkan pekerja sebab masalah utama mereka selain daripada masalah harga makanan dan sebagainya ialah kekurangan pekerja," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui sejurus menghadiri Persidangan Antarabangsa Palestin Kuala Lumpur (ICPKL) 2023, di sini, hari ini.

Mengulas lanjut, beliau berkata, kementeriannya sedang bekerjasama dengan Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Kementerian Sumber Manusia bagi menambah pekerja asing di sektor berkenaan termasuk sektor lain.

"Kita sedang mengatasinya, Insya-Allah. Memanglah menjelang Ramadan penggunaan telur dan bahan-bahan yang lain akan meningkat sebab itu kita kena bincang dengan pihak pengusaha supaya melipat gandakan pengeluaran daripada sekarang. Itu yang kita harapkanlah," katanya.

Ditanya mengenai pembaziran makanan ketika Ramadan, Mohamad berkata, kempen bagi memberi kesedaran kepada orang awam termasuk pihak hotel yang menyediakan menu berbuka puasa harus diteruskan.

"Kempen ini kena berterusan di hotel-hotel dan di mana-mana tempat pembaziran makanan itu.

"Sekarang kita pula memperkenalkan Menu Rahmah supaya orang yang berpendapatan rendah dan golongan B40 dapat juga menikmati makanan secara berkualiti pada setiap hari.

"Kita harap pihak hotel juga akan terbabit dalam hal ini, panggilah apa-apa pun (kempen), tetapi jangan ada pembaziran yang banyak," katanya.

Kekurangan pekerja punca gangguan bekalan telur ayam – Mohamad



Mohamad Sabu

SEREMBAN – Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan akan mengatasi masalah kekurangan pekerja yang menjadi antara faktor kekurangan bekalan telur ayam menjelang bulan Ramadan ini.

Menterinya Datuk Seri Mohamad Sabu berkata pihaknya bersama Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Kementerian Sumber Manusia sedang berusaha untuk menambahkan pekerja dalam sektor pertanian dan sektor yang lain bagi tujuan itu.

“Kementerian sedang mengatasinya (masalah bekalan telur ayam), memang setiap kali menjelang perayaan, penggunaan telur ayam lebih tinggi, masalah kekurangan telur ini juga dihadapi negara lain.

“Kebimbangan tetap ada, masuk sahaja Ramadan, penggunaan telur dan bahan yang lain akan meningkat, sebab itu kita kena bincang dengan pihak pengusaha supaya melipat gandakan pengeluaran daripada sekarang, itu kita harapkan.

“Kalau mereka tidak cukup pekerja kita cuba (atasi) dengan memberi laluan mudah untuk menambahkan pekerja, masalah utama pengusaha selain kenaikan harga makanan adalah kekurangan pekerja,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Antarabangsa Palestin Kuala Lumpur (ICPKL) 2023 di sini hari ini.

Beliau berkata demikian bagi mengulas laporan media tempatan mengenai keluhan pengusaha kuih raya yang bimbang perniagaan mereka terjejas susulan kekurangan bekalan telur ayam menjelang musim perayaan Aidilfitri nanti.

Sementara itu Mohamad berkata kerajaan Malaysia akan terus menyokong dan bersuara dalam memperjuangkan hak rakyat Palestin.

Katanya program tentang kesedaran memperjuangkan rakyat Palestin perlu diteruskan dan kini semakin banyak pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dari negara Eropah memberikan sokongan kepada rakyat Palestin.

“Ahli Parlimen di Eropah juga berani mengecam sikap kerajaan mereka yang terus membantu kerajaan Israel yang membunuh rakyat Palestin setiap hari,” katanya.

Sementara itu Penasihat ICPKL 2023 Dr Fauziah Mohd Hasan berkata 500 delegasi daripada 20 negara turut menyertai program hari ini yang bertemakan ‘The Caged Eye’, iaitu simbolik solidariti kepada penderitaan tahanan rakyat Palestin dikurung dalam penjara rejim Zionis.

Dr Fauziah berkata 4,450 warga Palestin dipenjara oleh pihak rejim Zionis termasuk 160 kanak-kanak dan 32 wanita. – BERNAMA

Kementerian mahu tambah bilangan pekerja sektor bekalan telur ayam



SEREMBAN, 11 FEB: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan akan mengatasi masalah kekurangan pekerja yang menjadi antara faktor kekurangan bekalan telur ayam menjelang bulan Ramadan ini.

Menterinya Datuk Seri Mohamad Sabu berkata pihaknya bersama Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Kementerian Sumber Manusia sedang berusaha untuk menambahkan pekerja dalam sektor pertanian dan sektor

yang lain bagi tujuan itu.

“Kementerian sedang mengatasinya (masalah bekalan telur ayam), memang setiap kali menjelang perayaan, penggunaan telur ayam lebih tinggi, masalah kekurangan telur ini juga dihadapi negara lain.

“Kebimbangan tetap ada, masuk sahaja Ramadan, penggunaan telur dan bahan yang lain akan meningkat, sebab itu kita kena bincang dengan pihak pengusaha supaya melipat gandakan pengeluaran daripada sekarang, itu kita harapkan.

“Kalau mereka tidak cukup pekerja kita cuba (atasi) dengan memberi laluan mudah untuk menambahkan pekerja, masalah utama pengusaha selain kenaikan harga makanan adalah kekurangan pekerja,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Antarabangsa Palestin Kuala Lumpur (ICPKL) 2023 di sini hari ini.

Beliau berkata demikian bagi mengulas laporan media tempatan mengenai keluhan pengusaha kuih raya yang bimbang perniagaan mereka terjejas susulan kekurangan bekalan telur ayam menjelang musim perayaan Aidilfitri nanti.

Sementara itu Mohamad berkata kerajaan Malaysia akan terus menyokong dan bersuara dalam memperjuangkan hak rakyat Palestin.

Katanya program tentang kesedaran memperjuangkan rakyat Palestin perlu diteruskan dan kini semakin banyak pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dari negara Eropah memberikan sokongan kepada rakyat Palestin.

“Ahli Parlimen di Eropah juga berani mengecam sikap kerajaan mereka yang terus membantu kerajaan Israel yang membunuh rakyat Palestin setiap hari,” katanya.

Sementara itu Penasihat ICPKL 2023 Dr Fauziah Mohd Hasan berkata 500 delegasi daripada 20 negara turut menyertai program hari ini yang bertemakan ‘The Caged Eye’, iaitu simbolik solidariti kepada penderitaan tahanan rakyat Palestin dikurung dalam penjara rejim Zionis.

Dr Fauziah berkata 4,450 warga Palestin dipenjara oleh pihak rejim Zionis termasuk 160 kanak-kanak dan 32 wanita.

– BERNAMA

| | | | |
|------------|---|-------------|---------------------|
| Headline | Mat Sabu to inform cabinet about strong opposition to reduction in fishermen's diesel | | |
| MediaTitle | Sin Chew Daily (Kuching) | | |
| Date | 11 Feb 2023 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 45,720 |
| Page No | 5 | Readership | 137,160 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 184 cm ² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,338 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 4,015 |



漁船 油津 固打 削減引反彈

末沙布：呈內閣尋求解決

（亚庇10日讯）联邦农业及粮食安全部决定把渔业发展局削减渔船柴油津贴固打引起全国渔民强烈反弹一事，上报内阁。

部长拿督斯里莫哈末沙布指出，访问沙巴期间，沙巴多个渔民团体向他表达不满，担忧当局削减渔船柴油津贴固打，将影响渔获供应量。

“我将把此事上报内阁，交由内阁讨论可行方案。”

莫哈末沙布昨日结束沙巴访问返回吉隆坡前，在亚庇国际机场贵宾召开新闻发布会时，这样表示。在场的有沙巴副首长兼农渔及食品工业部长拿督杰菲里吉丁岸。

漁产价格比西马便宜

“我们也不希望看到沙巴渔获供应量因为渔船柴油固打遭大幅削减而大受影响，相比西马半岛，沙巴渔产售价便宜。”

“我们希望沙巴渔获供应量持续增加。”

据悉，渔业发展局自本月1日起削减全国各级渔船的津贴柴油固打，但事前毫无通知，导致渔民措手不及。

A牌渔船从原有的每月4000公升降至2500公升、B牌渔船从每月8000公升至1万2000公升，降至6000公升至8000公升、B1牌渔船从每月1万2000公升至1万5000公升，降至8000公升至1万2000公升、C牌渔船从每月2万公升降至1万7000公升。

沙巴渔民团体指出，由于渔船津贴柴油固打大减，渔民考量成本，只能减少出海次数，最终导致渔获供应减少，渔产涨价。

莫哈末沙布（左二）和杰菲里吉丁岸（右二）在会谈后合影。

末沙布 傑菲里會商 沙與聯邦加強農業合作

聯邦政府与沙巴州政府将在农业及农粮安全领域加强合作。

在亚庇国际机场贵宾室进行会谈，就共同关心的课题互换意见。

杰菲里欣见联邦农长访问沙巴，致力促进联邦政府与沙巴政府的在农业及农粮安全领域的合作。